



## Penghayatan Amalan Bersedekah Siswa Guru IPG

Ahmad Ridwan Osman@Hussin<sup>1</sup>, Shafie Majid<sup>1</sup>, Abdul Ghafar Jaafar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Hal Ehwal Pelajar, IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang

---

### ARTICLE INFO

*Article history:*

Received 23 April 2021

Accepted 05 July 2021

Published 30 November 2021

---

*Kata kunci:*

amalan sedekah

teori tingkah laku terancang

siswa IPG

Corresponding author. E-mail address:  
osmanridwan77@gmail.com

---

### ABSTRAK

Konsep kerohanian dan kedermawanan merupakan antara aspek pelengkap yang termaktub di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Menghayati nilai-nilai dan amalan-amalan yang mulia ini dapat membentuk generasi yang pemurah dan cakna terhadap insan lain berada di dalam kesusahan. Kajian ini bertujuan melihat penghayatan amalan bersedekah dalam kalangan siswa guru IPG. Soal selidik diedarkan kepada 683 siswa guru di empat buah kampus IPG Zon Timur melalui *google form* dan dianalisis menggunakan perisian *Smart PLS 3.0*. Kajian berdasarkan objektif yang ingin dicapai mendapati pemboleh ubah-pemboleh ubah yang mewakili Teori Tingkah Laku Terancang dan pemboleh ubah baru iaitu Sosialisasi Agama Ibu Bapa (SAI) mendapat hubungan yang signifikan kesemua pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar iaitu Niat bersedekah (NIAT). Sosialisasi Agama Ibu Bapa merupakan pemboleh ubah yang paling signifikan iaitu  $\beta = 0.284, p < 0.001$ . Justeru membuktikan bahawa penerapan nilai-nilai agama semenjak dari kecil sangat signifikan bagi mencorakkan amalan bersedekah dalam siswa IPG. Keseluruhan pemboleh ubah bebas juga menjelaskan 70% varian di dalam niat bersedekah dalam kalangan siswa IPG.

---

### PENDAHULUAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menginspirasikan warganegara yang dilengkapi kesyumulan aspek *ruhiyyah* dan material melalui potensi yang dibentuk dan diperkembangkan (KPM, 2012). Jelasnya, individu pelajar dapat dibentuk potensinya melalui penghayatan dan kepatuhan kepada tuntutan agama dan moral. Anjakan ketiga di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) menjuruskan matlamat utama bagi memantapkan nilai melalui pendidikan Islam dan pendidikan moral serta melestarikan kesukarelawan (KPM, 2017). Justeru, nilai-nilai yang telah diterapkan di dalam sistem pendidikan ini dibentuk dan dijana dalam kehidupan harian, yang diterjemahkan melalui tingkah laku sivik, seperti kecenderungan di dalam aktiviti sukarela, menghindari jenayah rasuah, beramanah dan berintegriti (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, 2017). Secara jelas kemenjadian modal insan menjadi agenda utama di dalam Islam seperti firman Allah SWT:

مَنْ عَمِلَ صَلِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ اُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَأُنْجِيَنَّهُمْ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرًا هُمْ بِالْحَسَنِ كَانُوا يَعْمَلُونَ ۙ

*Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya kami akan membalaas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.*

(An-Nahl: 97)

Namun, amal ibadah dan aktiviti kebajikan tidak menarik minat golongan remaja dan belia Islam terutama di sekolah menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Mereka lebih cenderung menghabiskan masa mereka dengan perkara-perkara yang kurang berfaedah. Mengikut Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) 2014 (LPPKN, 2016) yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mendapati bahawa masalah disiplin remaja merupakan isu utama yang dihadapi oleh sesebuah keluarga berbanding 10 masalah lain. Aktiviti kerohanian & kebajikan cuma mewakili 10.5 % daripada 8 pecahan aktiviti yang dilakukan bersama keluarga. Remaja yang kukuh pendirian agama akan kurang terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat serta cenderung meminggirkan amalan ibadah (Johnson, Tomkins, Web (2002).

Secara spesifik pula dapat diperhatikan data yang merujuk kepada penghayatan amal bersifat kebajikan dan kesukarelawanan seperti menderma juga mencatat laporan kurang memuaskan. Dapatkan kajian terhadap belia berbilang kaum menunjukkan min yang sangat rendah iaitu 1.86 bagi item menjadi sukarelawan masjid/ aktiviti kebajikan (Dzuhailmi Dahalan, Krauss, Azimi Hamzah & Abd Hadi Sulaiman, 2014), sikap menderma dalam kalangan remaja jelas tidak memuaskan, dengan dapatkan kajian Fariza Md Sham & Salahuddin Yusuf, (2015) terhadap 30 orang remaja, hanya lapan orang sangat kerap menderma apabila diadakan pugutan derma. Begitu juga, kajian tingkah laku bersedekah kepada peminta sedekah rakyat Malaysia yang dijalankan oleh Salwa Amira (2017) mendapati remaja tidak cenderung untuk bersedekah kerana sikap lebih mementingkan diri sendiri. Hairunnizam, Mohd Ali, & Sanep (2005) yang menggunakan umur sebagai salah satu pemboleh ubah di dalam kajian zakat harta (sedekah wajib) mendapati kutipan zakat yang diperolehi daripada golongan muda kurang memuaskan mencerminkan bahawa kesedaran mereka terhadap kewajipan ini adalah rendah walaupun mereka telah layak berzakat.

Tinjauan global yang dibuat oleh *Charity Aids Foundation*, (2018) juga mendapati golongan muda (berumur 15-29 tahun) adalah kelompok yang paling rendah memberikan sumbangan kewangan pada 25.2 peratus berbanding golongan yang lebih dewasa yang berumur 50 tahun ke atas (30.6 peratus) dan dewasa berumur 30 ke 49 tahun (30.5 peratus). Beberapa pengkaji Barat juga mendapati golongan muda sentiasa memberi alasan untuk tidak bersedekah (Sargeant, Ford, & West, 2006) lebih-lebih lagi mereka sentiasa berasa sangsi terhadap institusi dan pengutip dana awam (Kottasz, 2004; Sargeant et al., 2006). Knowles, Hyde & White (2012) di dalam kajian terhadap 210 responden remaja Australia mendapati hanya 9.5 peratus yang bersedekah lebih daripada 10 kali setahun manakala 49.1 peratus hanya bersedekah sekurang-kurangnya dua kali atau langsung tidak bersedekah.

*Australian Communities Report* mendapati 72 peratus penderma di negara itu ialah golongan dewasa manakala selebihnya adalah golongan remaja dan belia. Smith & Mc Sweeney (2007) mendapati 65 peratus populasi Australia yang berumur di bawah 30 tahun tidak rasa bertanggungjawab untuk menyokong sebarang program kebajikan seperti memberi sumbangan kewangan. Secara umumnya, banyak kajian yang menjadikan demografi umur sebagai pemboleh ubah bersetuju bahawa seseorang individu tidak cenderung melakukan amal kebajikan melalui bersedekah semasa usia masih muda (Simmons & Emanuele, 2007; Lee & Chang, 2008; Bennett, 2012).

Justeru, berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini, dapat dibentuk tujuan, beberapa objektif dan persoalan kajian yang telah dapat dibentuk. Antara matlamat kajian adalah untuk melihat penghayatan amalan bersedekah berdasarkan Teori tingkah laku terancang. Secara khususnya kajian ini meliputi persoalan-persoalan kajian yang berikut:

1. Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara pemboleh ubah sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku dan sosialisasi agama ibu bapa terhadap niat bersedekah?
2. Apakah pemboleh ubah paling kuat yang mempengaruhi niat bersedekah?
3. Apakah kekuatan hubungan pemboleh ubah-pemboleh ubah di dalam kajian ini terhadap niat bersedekah

## TINJAUAN LITERATUR

Memberi sedekah merangkumi sumbangan berbentuk kewangan & material (*mal*), sumbangan tenaga dan usaha fizikal serta sumbangan ilmu dan idea. Bagi tujuan kajian ini sedekah spesifik merujuk kepada memberi sumbangan berbentuk kewangan & material. Terdapat beberapa istilah di dalam Islam yang digunakan bagi merujuk amalan memberi sumbangan kewangan ataupun material termasuklah *infaq*, sedekah dan zakat. *Infaq* misalnya dalam bahasa arab bermaksud ‘belanja’ manakala secara konseptualnya ia bermaksud memberi untuk kebaikan masyarakat termasuk kepada si pemberi *infaq* dan keluarganya (Kahf, 2012). Zakat pula merupakan kewajipan yang terkandung di dalam rukun Islam; menurut bahasa ialah bertambah atau subur, manakala dari segi syarak ialah kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian harta tertentu yang wajib diberikan kepada golongan tertentu dengan syarat-syarat tertentu (Mohammed Zulkifli Al- Bakri, 2017). *Sadaqah* juga disebut sebagai mahar/ mas kahwin yang diberikan oleh suami kepada isterinya. Jelasnya, sedekah diinterpretasi sebagai penjana ekonomi dan kewangan Islam yang bercirikan keanjalan dan berbentuk sukarela. Ia boleh dianggap sebagai satu instrumen penyokong dan pelengkap (*supportive and complementary instrument*) bagi instrumen-instrumen yang wajib di dalam Islam seperti zakat, nafkah, *kaffarah* dan lain-lain (Norhanizah, 2014).

Fokus kajian ini ialah ibadah sedekah yang merujuk kepada keikhlasan memberi sumbangan kewangan dan material. Allah SWT menunjukkan perkaitan amalan kebajikan dengan kebenaran dan serta sifat ketamakan dengan penipuan. Allah SWT berfirman:

فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَأَنْقَىٰ ۖ وَصَدَقَ بِالْحُسْنَىٰ ۖ ۶ فَسَتُّيَسِّرُهُ لِلْيُسْرَىٰ ۷ وَأَمَّا مَنْ بَخْلَ وَأَسْتَغْنَىٰ ۸  
وَكَذَّبَ بِالْحُسْنَىٰ ۹ فَسَتُّيَسِّرُهُ لِلْعُسْرَىٰ ۱۰

*Adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertaqwah (mengerjakan suruhan Allah SWT dan meninggalkan segala laranganNya). Serta ia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (Syurga). Sebaliknya: orang yang bakhil (daripada berbuat kebajikan) dan merasa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya. Serta ia mendustakan perkara yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan.*

(Surah Al-Layl: 5-10)

Amalan memberi sedekah (*Sadaqah*) adalah pengesahan keikhlasan iman seseorang, dan bukti kepercayaan yang mendalam terhadap berlakunya Hari Kiamat. Rasulullah (S.A.W.) bersabda:

عَنْ أَبِي مَالِكِ الْأَشْعَرِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ... وَالصَّدَقَةُ بُزْهَانٌ .

“*Sedekah adalah bukti yang jelas*” (menunjukkan keimanan)

(Hadis Riwayat Muslim di dalam Riyadussolihin: 25, Al-Nawawi, 2017)

Sedekah lebih utama lagi dilihat sebagai salah satu tuntutan yang utama di dalam syariat Islam. Ianya sangat ditekankan dan digalakkan seperti termaktub di dalam Al- Quran dan Hadis sebagai satu cara paling mulia untuk membelanjakan harta bagi mendapat keredhaan Allah SWT dan membantu mereka yang memerlukan yang menjadi amalan setiap orang Islam. Jelasnya, amalan bersedekah bukan sekadar penyucian rohani malahan turut bertindak sebagai penyumbang pembangunan sosio-ekonomi dan transformasi sosial yang bertitik tolak daripada kesejahteraan individu dan masyarakat di dunia dan akhirat.

Sorotan literatur oleh Bekkers & Wiepking (2011) menyusun pelbagai mekanisma utama yang mendorong tingkah laku memberi sedekah dan penglibatan di dalam aktiviti kebajikan antaranya prihatin terhadap kesusahan kelompok yang memerlukan , mencapai kepuasan diri, digambarkan dengan imej kendiri yang pemurah dan lain-lain. Bensaid & Grine (2013) di dalam sorotan kajian berkaitan dimensi etika dan spiritual di dalam Islam mendapati bahawa etika Muslim di dalam amalan sedekah terbentuk melalui sistem kepercayaan, akhlak dan syariat yang kuat.

Faktor penentu melakukan amalan sedekah dalam kalangan penganut Buddhisme dan Taoisme di laporkan di dalam Kajian Chang & Chang (2006) mendapati hubungan positif di antara amalan sedekah dengan faktor keagamaan melalui aspek kehadiran ke tempat ibadah. Halfpenny (2013) telah membuat ulasan pelbagai teori sosio-ekonomi berkaitan amalan bersedekah. Iannaccone (1998) sebagai pengkaji yang sentiasa mengaitkan agama dengan ekonomi mendapati sumber kewangan sesebuah institusi agama seperti gereja bergantung kepada penyumbang dalam kalangan jemaah yang hadir pada sesuatu upacara.

Dimensi sumbangan kewangan melalui zakat walaupun bersifat sedekah wajib turut disoroti. Faktor yang mendorong orang Islam dewasa mengeluarkan zakat yang di kaji oleh Hairunnizam Wahid et al., (2005) mendapati faktor pengurusan institusi zakat cekap menjadi pendorong terpenting bagi pembayar zakat. Nur Barizah Abu Bakar dan Hafiz Majdi Abdul Rashid (2010) pula mencadangkan penekanan terhadap pendidikan dan pemahaman konsep zakat dalam Islam mampu menyumbang kepesatan ekonomi dan kebajikan ummah. Murtala Oladimeji Abioye Mustafa, Muslim Har Sani Mohamad dan Muhammad Akhyar Adnan (2013) melaporkan di dalam kajian mereka bahawa pengaruh pengurusan tertinggi, transparensi, institusi zakat milik kerajaan, kecekapan agihan zakat sebagai penentu kepada kepercayaan pembayar zakat. Penentuan bagi seseorang Islam untuk membayar zakat juga, tidak hanya terkait dengan dorongan kewajipan, lebih dari itu ia dilakukan bagi mencapai kepuasan dalam diri dan atas faktor kecekapan organisasi yang menguruskannya (Muhammad Muda et al., 2006)

## METODOLOGI

### **Reka bentuk kajian & Pensampelan**

Bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Set soal selidik diedarkan kepada populasi terlibat menggunakan medium *google forms* di empat buah IPG di Zon Timur. Kaedah pensampelan rawak mudah dijalankan bagi memilih sampel berdasarkan kesesuaian dan kemudahan pengkaji mendapatkan maklum balas disamping sampel yang homogenous terdapat di mana-mana IPG. Lebih-lebih lagi sampel mapu mewakili komuniti IPG. Sejumlah 683 orang responden menjawab soal selidik yang disebarluaskan.

### **Instrumentasi**

Soal selidik yang digunakan diadaptasi daripada instrumen daripada kajian-kajian lepas. Konstruk-konstruk daripada Teori Tingkah Laku Terancang yang diwakili oleh Niat Bersedekah, Sikap, Norma Subjektif dan Tanggapan Kawalan Tingkah Laku akan menggunakan instrumen Salwa Amirah Awang (2017) yang mengadaptasi (Ajzen & Fishbein, 1975). Sosialisasi Agama Ibu bapa pula diukur dengan mengadaptasi instrumen *10-item Socialization-Based Religiosity Scale (SBRSS)* Granqvist & Hagekull (1999).

### **Analisis data**

Data yang telah diperoleh daripada borang soal selidik kajian akan diproses di peringkat asas dengan menggunakan perisian IBM SPSS. Analisis statistik deskriptif telah digunakan bagi memperoleh nilai min, mod dan sisihan piawai. Analisis inferensi pula menggunakan perisian Smart PLS 3.0 bagi melakukan ujian kesignifikantan dan ujian tahap pekali penentuan ( $R^2$ ).

## HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1. Keputusan ujian kesignifikanan

HUBUNGAN	Nilai $\beta$	Nilai t	Nilai p	Keputusan
<b>SAI &gt; NIAT</b>	0.284	9.161	0.000***	Diterima
<b>SIK &gt; NIAT</b>	0.230	5.293	0.000***	Diterima
<b>NOS &gt;NIAT</b>	0.145	4.027	0.000***	Diterima
<b>KTL &gt; NIAT</b>	0.163	3.611	0.000***	Diterima

**Nilai P:** \*signifikan pada  $p < 0.05$ ; \*\*signifikan pada  $p < 0.01$ ; \*\*\*signifikan pada  $p < 0.001$

Nota: KTL= Tanggapan Kawalan Tingkah Laku, NIAT= Niat Bertingkah laku,

NOS= Norma Subjektif, SIK= Sikap, SIA= Sosialisasi Agama Ibu Bapa

Paparan jadual 1.0 bagi ujian kesignifikanan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas dengan niat bersedekah. Analisis yang melihat hubungan diantara Sosialisasi Agama Ibu Bapa dengan niat bersedekah mendapat ia merupakan faktor utama terhadap niat bersedekah yang merekodkan hubungan yang signifikan dengan nilai ( $\beta = 0.284$ ,  $t = 9.161$ ,  $p < 0.001$ ). Begitu juga, hubungan di antara Sikap dengan niat bersedekah mendapat hubungan yang signifikan pada nilai ( $\beta = 0.230$ ,  $t = 5.293$ ,  $p < 0.001$ ) lalu hipotesis diterima. Seterusnya, hubungan antara norma subjektif dengan niat bersedekah didapati signifikan pada nilai ( $\beta = 0.145$ ,  $t = 4.027$ ,  $p < 0.001$ ). Analisis hubungan di antara pemboleh ubah Tanggapan Kawalan Tingkah Laku dengan niat bersedekah juga mendapat terdapat hubungan yang signifikan diantara tahu kawal kelakuan dengan niat bersedekah pada ( $\beta = -0.163$ ,  $t = 3.611$ ,  $p < 0.001$ ). Analisis juga mendapat bahawa faktor sosialisasi agama ibu bapa memainkan peranan yang paling kuat terhadap niat bersedekah dalam kalangan siswa guru IPG. Dapatkan menunjukkan peranan didikan agama dan rutin harian anak-anak yang membesar dengan persekitaran yang baik melahirkan kesedaran terhadap amalan bersedekah. Faktorfaktor sosialisasi dan didikan menjadi signifikan kerana ia dapat membentuk sikap altruisme ke dalam diri individu (Salwa Amira Awang et al., 2017b; Hamid Rizal & Hanudin Amin, 2017; Teah, Lwin, & Cheah, 2014; Woodyard & Grable, 2014, 2013; Opoku, 2013).

Nilai kekuatan hubungan antara konstruk pula digambarkan melalui nilai Beta ( $\beta$ ) manakala nilai sumbangan kesemua pemboleh ubah dilihat melalui nilai R square ( $R^2$ ). Kajian ini secara spesifiknya menetapkan 1000 jumlah *re-sampling (bootstrapping)*. Model kajian ini mempunyai nilai *predictive power* yang tinggi iaitu  $R^2 = 0.703$  untuk pemboleh ubah niat bersedekah. Ini bermaksud nilai  $R^2$  menyarankan 70.3 peratus varians dapat dijelaskan oleh konstruk-konstruk bebas terhadap konstruk bersandar kajian. Dapatkan menunjukkan konstruk-konstruk yang terdapat di dalam Teori Tingkah Laku Terancang dan konstruk baharu Sosialisasi Agama Ibu Bapa merupakan gabungan yang kuat bagi meramalkan faktorfaktor yang menyumbang terhadap niat dan amalan bersedekah. Interpretasi Kekuatan Peramalan di tunjukkan pada Jadual 1.1

Jadual 2. Interpretasi Kekuatan Peramalan (*Predictive Power*) (Chin, 1988)

Nilai R <sup>2</sup>	Peringkat
> 0.67	Tinggi
> 0.33	Sederhana
> 0.19	Lemah

## KESIMPULAN

Teori Tingkah Laku Terancang telah terbukti menjelaskan varian yang tinggi di dalam kajian-kajian lepas. Lebih-lebih lagi, kekuatan pemboleh ubah baharu berada pada nilai beta yang tinggi. Dua pemboleh ubah daripada Teori Tingkah Laku Terancang iaitu Sikap dan Kawalan Tingkah Laku mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat bersedekah, ia selari dengan kebanyakan kajian niat dan tingkah laku sedekah kewangan dan kajian-kajian bersedekah yang lepas. Pemboleh ubah norma subjektif dan sosialisasi agama ibu bapa yang merujuk kepada peranan agen luar terhadap pembentukan tingkah juga menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap niat bersedekah mungkin adalah kerana siswa guru bertingkah laku bukan sekadar kesedaran dan sikap mereka sendiri malah turut disebabkan pengaruh dan didikan ibu bapa, pengaruh rakan ataupun masyarakat sekeliling. Meskipun begitu kekangan yang dapat dilihat ialah pertarungan di antara keimanan yang dan cabaran dunia masakini. Realiti masalah sosio ekonomi yang dihadapi oleh kebanyakan negara membangun membuka ruang kepada sikap mementingkan diri (Mohd Nahar Arshad, 2016) serta menghakis sikap akauntabiliti walaupun amalan kebajikan itu merupakan tuntutan agama (Ahmad Zamri & Agyemang, 2020). Farid Al-Attas (2006) memberi bayangan bahawa konsep atau teori yang berasaskan keagamaan juga mungkin dieksplorasi dan menjauhi asas agama yang sebenar apabila berhadapan dengan realiti dunia moden yang dikuasai ekonomi kapitalis dan masyarakat yang korup. Ini kerana amal kebajikan bersifat kepatuhan individu, dengan formula yang mantap melalui perbincangan dan ketetapan *fiqh* juga tidak dapat mendorong individu untuk melakukan kebajikan seperti bersedekah dan meninggalkan perbuatan mungkar seperti rasuah (Muhammad Bāqir, 1994). Justeru, kajian ini tidak dapat menilai faktor-faktor yang melibatkan sistem sosio ekonomi di dalam sesebuah negara, ia dibatasi dengan hanya meneroka dan menilai pegangan individu dan didikan ibu bapa dengan nilai-nilai keagamaan.

## RUJUKAN

- Ab. Halim, T., & Hussin, N. H. (2017). Pendidikan Abad ke 21 Dalam Kepelbagai Budaya : Cabaran dan Harapan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor ( KUIS ) Bahagian Pendidikan Islam , , *Kertas Kerja Ucaputama Seminar Pedagogi Antarabangsa Ke-8 (PEDA8)*, (September), 1–12.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1975). Belief, attitude, attitude, intention and behavior: An introduction to theory of research. *Reading, MA : Addison-Wesley Addison-Wesley*, 578.
- Al- Bakri Zulkifli, M. (2017). *Al-Fiqh Al-Manhaji: Ibadat dalam Fiqh Al-Syafi'i*. Darul Syakir (8th ed.). Kuala Lumpur.
- Al-Nawawi, (2017). *Riyadhussolihin*. (M. Ainon, Ed.) (10th ed.). Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Bekkers, R., & Wiepking, P. (2011). *A literature review of empirical studies of philanthropy: Eight mechanisms that drive charitable giving*. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly* (Vol. 40). <https://doi.org/10.1177/0899764010380927>
- Bennett, R. (2012). Why Urban Poor Donate : A Study of Low-Income Charitable Giving in London. <https://doi.org/10.1177/0899764011419518>
- Bensaid, B., & Grine, F. (2013). Ethico-Spiritual Dimensions of Charity : An Islamic Perspective Department of Islamic History and Civilization , Academy of Islamic Studies , 13(2), 171–182. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2013.13.2.1791>
- Chang, W.-C., & Chang, W.-C. (2006). Determinants of Religious Giving in an Eastern-Culture Economy: Empirical Evidence from Taiwan. *Review of Religious Research*, 47(4), 363–379. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/20058104%5Cnhttp://about.jstor.org/terms%5Cnhttp://www.jstor.org/stable/20058104%5Cnhttp://about.jstor.org/terms>
- Charity Aids Foundation. (2018). *World Giving Index 2018*.
- Dzuhalimi, D., Krauss, S. E., Azimi, H., & Abd Hadi, S. (2014). Pegangan Agama dalam kalangan Belia Awal Pelbagai Kaum di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(1), 117–130.

- Fariza, M. S., & Salahuddin, Y. (2015). Religiosity of Muslim adolescents from single parent families living in government-subsidised settlement. *Global Journal Al-Thaqafah*, 5(2), 31–42. Retrieved from <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-84953324445&partnerID=40&md5=e6d9c806a6dc0f9388588ddd5b5ac5ef>
- Hairunnizam, W., Mohd Ali, M. N., & Sanep, A. (2005). Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya? *Ijms*, 12(2), 171–189. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/732/>
- Halfpenny, P. (1999). Economic and Sociological Theories of Individual Charitable Giving : Complementary or Contradictory ? *International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, 10(3), 197–215.
- Iannaccone, L. (1998). Introduction to the Economics of Religion. *Journal of Economic Literature*, 36(3), 1465–1495. <https://doi.org/10.1016/j.religion.2008.01.006>
- Johnson, B. R., Tomkins, R. B., & Web, D. (2002). *Johnson, B. R., Tomkins, R. B. & Webb, D. 2002. Objective hope: Assessing the effectiveness of faith-based organizations: A review of the literature. University of Pennsylvania Center for Research on Religion and Urban Civil Society, Research Report.*
- Kahf, M. (2012). *Infaq in the Islamic Economic System Monzer Kahf Infaq in the Islamic Economic System*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Ringkasan Eksekutif PPPM 2013-2025. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Knowles, S. R., Hyde, M. K., & White, M. K. (2012). Predictors of Young People ' s Charitable Intentions to Donate Money : An Extended Theory of Planned Behavior Perspective. *Journal of Applied Social Psychology*, 1–15. <https://doi.org/10.1111/j.1559-1816.2012.00932.x>
- Kottasz, R. (2004). Differences in the donor behavior characteristics of young affluent males and females: Empirical evidence from Britain. *Voluntas*, 15(2), 181–203. <https://doi.org/10.1023/B:VOLU.0000033180.43496.09>
- KPM, K. P. M. (2012). Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lee, Y. K., & Chang, C. T. (2008). Intrinsic or extrinsic? Determinants affecting donation behaviors. *International Journal of Educational Advancement*, 8(1), 13–24. <https://doi.org/10.1057/ijea.2008.2>
- LPPKN. (2016). *Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPJM-5) 2014. Bahagian Kependudukan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara*. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Mohd Arshad, M. N. (2016). Determinants of charitable giving in Malaysia. *Humanomics*, 32(4), 459–473. <https://doi.org/10.1108/H-01-2016-0007>
- Muhammad, M., Ainulashikin, M., & Amir, S. (2006). Factors influencing individual participation in zakat contribution: exploratory investigation. In *Seminar for Islamic Banking and Finance* (pp. 1–10). Kuala Lumpur.
- Muhammad Bāqir, A.-S. (1994). *Iqtisoduna: Our Economics* (2nd Editio). Tehran, Iran: World Organization for Islamic Services.
- Murtala Oladimeji, A. M., Muslim Har, S. M., & Muhammad Akhyar, A. (2013). Antecedents of zakat payers' trust in an emerging zakat sector: an exploratory study. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 4(1), 4–25.
- Norhanizah, J. (2014). Proceeding of the 1st International Conference on Management and Muamalah 2014. In *Amalan Infaq dalam Kalangan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Tabung Infaq, Satu Analisis Awal* (Vol. 1, pp. 160–166).
- Nur Barizah, A. B., & Hafiz Majdi, A. R. (2010). Motivations of Paying Zakat on Income : Evidence from Malaysia. *International Journal of Economics and Finance*, 2(3), 76–84.
- Opoku, R. A. (2013). Examining the motivational factors behind charitable giving among young people in a prominent Islamic country. *International Journal of Nonprofit & Voluntary Sector Marketing*, 18(3), 216–230. <https://doi.org/10.1002/nvsm>

- Osman, A. Z., & Agyemang, G. (2020). Privileging downward accountability in Waqf management. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 11(3), 533–554.  
<https://doi.org/10.1108/JIABR-05-2017-0064>
- Rizal, H., & Hanudin, Amin. (2017). Perceived ihsan, Islamic egalitarianism and Islamic religiosity towards charitable giving of cash waqf. *Journal of Islamic Marketing*, 8(4), 669–685.  
<https://doi.org/10.1108/JIMA-05-2015-0037>
- Salwa Amirah, A., Joni Tamkin, B., Mohamad Taqjudin, M., & Fidlizan, M. (2017). The Scenario Of Giving to beggars: A behavioural analysis among Malaysians. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 11, 39–50.
- Sargeant, A., Ford, J. B., & West, D. C. (2006). Perceptual determinants of nonprofit giving behavior. *Journal of Business Research*, 59(2), 155–165. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2005.04.006>
- Simmons, W. O., & Emanuele, R. (2007). Male-female giving differentials : are women more altruistic ? *Journal of Economic Studies*, 34(6), 534–550. <https://doi.org/10.1108/01443580710830989>
- Smith, J. R., & Mc Sweeney, A. (2007). Charitable Giving: The Effectiveness of a Revised Theory of Planned Behaviour Model in Predicting Donating Intentions and Behaviour. *Journal of Community and Applied Social Psychology*, 17363–386., 363–386.
- Teah, M., Lwin, M., & Cheah, I. (2014). Moderating role of religious beliefs on attitudes towards charities and motivation to donate. *Asia Pacific Journal of Marketing and Logistics*, 26(5), 738–760.  
<https://doi.org/10.1108/APJML-09-2014-0141>
- Woodyard, A., & Grable, J. (2014). Doing Good and Feeling Well: Exploring the Relationship Between Charitable Activity and Perceived Personal Wellness. *Voluntas*, 25(4), 905–928.  
<https://doi.org/10.1007/s11266-013-9382-5>